

# Pusat Strategik dan Keselamatan Sabah, UMS ditubuh akhir Januari ini

Oleh SURAIDAH ROSLAN

UB 2.1.2014 A3

KOTA KINABALU: Pusat Strategik dan Keselamatan Sabah, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dijangka akan ditubuhkan pada akhir Januari ini setelah mendapat pengesahan daripada Lembaga Pengurusan Universiti (LPU), kata Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah (*gambar*).

Katanya, penubuhan pusat itu kini sedang di penghujung perbincangan kerana di peringkat universiti ia sudah diluluskan dan hanya menunggu pengesahan daripada LPU.

"Pusat ini akan mengkaji pelbagai aspek dan ia berkait rapat dengan usaha kerjasama antara UMS dan Institut Keselamatan Awam Malaysia (Ipsom) yang diadakan baru-baru ini.

"Pusat ini akan menjadi platform, yang mana semua maklumat dan hasil penyelidikan berkaitan keselamatan yang dilaksanakan oleh penyelidik-penyelidik UMS akan dikumpulkan di situ. Seterusnya ia akan membantu mendapatkan maklumat yang boleh digunakan oleh pihak keselamatan dan pertahanan negara," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Sambutan 20 Tahun Penubuhan UMS, di sini kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penubuhan Pusat Strategik dan Keselamatan Sabah.

Menurutnya, penyelidikan itu termasuklah dalam aspek sosiobudaya dan ekonomi bagi kawasan yang strategik dan sensitif dalam soal keselamatan.

Jelasnya, dalam membuat sesuatu tindakan, budaya masyarakat tempatan harus diberi perhatian bagi memastikan tindakan yang dibuat tidak memberi implikasi



negatif terhadap masyarakat.

"Kita kena faham sosiobudaya tempatan kerana banyak suku kaum dan etnik yang terdapat di negeri ini, terutama di kawasan persisiran perairan Sabah," jelasnya.

Kemudian ketika diminta mengulas lanjut mengenai mesyuarat antara UMS dan Ipsom yang diadakan Isnin lalu, Harun berkata, ia merupakan langkah UMS sebagai badan akademik untuk menyumbang ke arah keselamatan negara.

Jelasnya, UMS mempunyai ramai pakar-pakar yang boleh digunakan untuk dimanfaatkan dalam pertahanan negara di perairan negeri Sabah.

"Mesyuarat telah diadakan pada Isnin lepas dan kita akan adakan mesyuarat bersama Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) dan akan rapatkan kerjasama ini dengan Kementerian Dalam Negeri," katanya.

Harun berkata, peruntukan yang berpatutan dan mengikut kemampuan universiti akan disediakan untuk tujuan penyelidikan mengenai aspek keselamatan itu. Namun, jumlahnya masih belum diputuskan.

Mengenai kandungan perbincangan itu, beliau berkata, memandangkan ia melibatkan perbincangan bersifat teknikal, beliau tidak dapat memberi komen terperinci mengenai perkara itu.